

**CURRENT
AWARENESS
SERVICE**

NOVEMBER 2016
ISSUE NO. 11

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA • THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY



**TAN SRI AMBRIN BUANG RASMIKAN
MAJLIS PENUTUP KONVENSyen
INTEGRITI NASIONAL 2016**

Berita penuh muka surat 4



CONTENTS / KANDUNGAN



EDITORIAL / EDITORIAL

03 Integriti di hati

SPECIAL EVENT / PROGRAM KHAS

04 Konvensyen Integriti Nasional 2016 sasarkan pemulihan imej dan intergriti penjawat awam

INTEGRITY ART NIGHT / MALAM SENI INTEGRITY

06 'Plastik Hitam' sarat dengan mesej integriti

BREAKFAST TALK / SYARAHAN

06 Integriti belia penting mencorakkan landskap kepimpinan negara masa hadapan

NEWS / BERITA

08 Dialog khas kupas cabaran pelaksanaan penguatkuasaan berintegriti

09 Persidangan integriti pendidikan tinggi, **INTEGRITI** dekati komuniti IPT

10 Pelancaran Studio INTEGRITI.TV

FEATURES / RENCANA

11 'Bukan mudah yakinkan ahli supaya bersetuju dengan 32 cadangan ini'

13 Jangan khianati nilai integriti

NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU PUSAT ILMU INTEGRITI

15 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu INTEGRITI

GALLERY / GALERI

15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di INTEGRITI

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Advisor

Dr. Anis Yusal Yusoff

Editor

Zubayry Abady Sofian

Staff Writer

Norsheeda Din

Assistant Editors

Nor Azni Ahmad Husairi (Malay)
Aimi Farhana Mohd Amin
(English)

Photographers

Rosalizawati Arshad
Izal Ariff Zahrudin

Cover

Aryzam Rahim

Contributors

Anuar Hj. Ahmad
Hj. Hamilye Sham Harun
Noor Akmar Ahmad
Harisham Ibrahim
Loganathan Veerasamy

Published monthly by

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

INTEGRITI DI HATI

Bermula sejak tahun 2004, tarikh 5 November tiap-tiap tahun telah diisytiharkan sebagai “Hari Integriti Kebangsaan”. Bersempena dengan sambutan Hari Integriti Kebangsaan ini, pelbagai agensi sama ada kerajaan mahupun swasta telah mengambil inisiatif meraikannya. Malahan kami di INTEGRITI turut menganjurkan Konvensyen Integriti Nasional 2016 pada 17 dan 18 November 2016 yang lalu bertemakan “Integriti dan Tadbir Urus: Memperkasakan Imej Perkhidmatan Awam” yang dihadiri kira-kira 500 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Ini merupakan petunjuk positif bahawa usaha kami di Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dalam mempromosikan agenda integriti nasional diterima baik.

Namun, sekadar ingatan mesra pada diri penulis dan kita semua, menterjemahkan integriti bukan hanya pada acara-acara sambutan yang bersifat sementara ini. Bukan terletak pada ucapan-ucapan ringkas sang perasmis majlis mahupun pada nyanyian beremosi melaungkan kata integriti. Tetapi integriti adalah segala-galanya.

Integriti tidak boleh dijual beli. Ia tidak boleh diukur dalam bentuk wang atau apa juga bentuk skala. Integriti ialah inti pati teras serta zarah utama dalam menentukan watak individu dan organisasi. Tiada batas serta sempadan dalam menterjemahkan nilai-nilai integriti. Namun, ia juga punya “warna” pemisah yang ketara; hitam itu hitam, atau putih itu putih, sama ada betul atau salah. Tiada kekeliruan (warna kelabu) bila berbicara tentang integriti.

Untuk mempertahankan integriti, keberanian moral amat diperlukan. Tiada kompromi serta utuh berpaksi kebenaran. Individu berintegriti tinggi berdiri teguh atas prinsip kebenaran serta sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan prinsip ini. Integriti tidak terbina sekelip mata. Ia merupakan proses evolusi seumur hidup. Bermula dari benih kecil hinggalah menjadi pohon teguh memasak bumi. Tidak tergugat walau ribut badai melanda. Merimbun, memayungi kehidupan di bawahnya serta memberi kesejahteraan kepada bumi.

Dalam sesebuah organisasi pula, integriti meresap dalam setiap aspek pentadbiran mahupun pelaksanaan aktiviti. Integriti menjadi penggerak utama dalam mencapai tujuan dan matlamat penubuhan. Bukan sahaja mengejar keuntungan material semata, keuntungan moral dan nilai turut diraih tanpa kompromi. Integriti menjadi tunjang operasi walau berlaku perubahan terhadap pelbagai dasar dan polisi, serta golongan pentadbirnya bersilih ganti.

Integriti ibarat sebuah kompas moral yang akan membawa

individu dan organisasi mencapai apa jua yang diingini. Tiada skala ketara untuk mengukur darjah ‘keintegritian’ seseorang itu mahupun sesebuah organisasi. Namun terdapat beberapa indikator yang boleh diguna pakai seperti sejauh mana aktiviti-aktiviti yang kita lakukan itu membawa kesejahteraan kepada masyarakat atau sebaliknya. Contohnya, adakah aktiviti syarikat perladangan kita membawa kemudharatan kepada alam dan penghuninya? Isu jerebu misalnya bukan penderhakaan alam terhadap kita, tetapi kezaliman kita rakus mencari ringgit sehingga mengorbankan segalanya.

Integriti bukan sekadar falsafah yang tertulis dalam naskhah mahupun makalah. Bukan juga lafaz kata indah memukau telinga dan minda khalayak. Bukan juga perlakuan berpura, cipta drama depan lensa kamera demi publisiti murah! Integriti perlu bermula dari hati. Dari hati ia terpancar melalui tertib minda berfikir, sopan lafaz kata, mesra perbuatan dan tindakan serta impaknya mensejahterakan alam.

Kejayaan akan datang dan pergi, tetapi integriti kekal selamanya. Membina reputasi integriti memerlukan masa bertahun, tetapi ia hanya memerlukan sekelip mata untuk runtuh musnah menyembah bumi.

Current Awareness Service (CAS) keluaran November ini turut membawa harapan kami di INTEGRITI, teruskanlah usaha meletakkan integriti di hati. Perjalanan kita masih jauh. Ayuh bersama-sama kami. Kita mulakan langkah kecil ini hingga mampu berlari.

Sekian.

Salam hormat dan selamat membaca!

Zubayry Abady Sofian

KONVENSYEN INTEGRITI NASIONAL 2016 SASARKAN PEMULIHAN IMEJ DAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM

Oleh Anuar Hj. Ahmad

Sempena dengan sambutan bulan integriti yang jatuh pada November setiap tahun, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bersama dengan *Razak School of Government* (RSOG) telah menganjurkan Konvensyen Integriti Nasional (KIN) 2016 bertemakan 'Integriti Dan Tadbir Urus: Memperkasakan Imej Perkhidmatan Awam' pada 17 dan 18 November yang lalu.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, tema ini dipilih kerana sejak akhir-akhir ini imej dan kualiti perkhidmatan awam acap kali dipandang negatif oleh masyarakat. Katanya lagi, realitinya pencapaian indeks kecekapan perkhidmatan awam kita berada pada tahap memberangsangkan. Namun, realiti ini tidak disedari masyarakat kerana terdapat beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja memburuk-burukkan imej perkhidmatan awam terutamanya melalui media sosial.

Justeru, penganjuran KIN kali ini memfokuskan tentang bagaimana imej dan integriti penjawat awam ini dapat dipulihkan. Ini sekali gus untuk memberikan kesedaran

kepada penjawat awam, individu-individu yang berkhidmat di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta serta peneraju badan-badan bukan kerajaan (NGO) tentang kepentingan integriti dan tadbir urus baik dalam memantapkan imej perkhidmatan awam dari kaca mata masyarakat umum.

KIN 2016 merangkumi tujuh bengkel selari yang membincangkan pelbagai isu berkaitan imej dan kualiti perkhidmatan awam. Dari bengkel-bengkel tersebut, sebanyak tujuh resolusi telah diketengahkan untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Juga diadakan dalam konvensyen tersebut sebuah forum khas. Dalam sesi tersebut, Dr. Paul Collins, editor di *Public Administration and Development Journal* telah menyampaikan syarahan bertajuk '*Learn Through Others: Transparency, Integrity And Accountability*'. Input berkenaan menjadi penting dalam menambah baik imej dan kualiti perkhidmatan awam. Dua pembincang dalam sesi tersebut ialah Ketua Pegawai Operasi, Unit Pelaksana Projek Awam (PPEU), Jabatan Perdana Menteri, Dr. Aizi Razman Ismail dan Ketua Pegawai



Tan Sri Dr. Ali Hamsa ketika menyampaikan ucap-tama



Pelancaran Modul Latihan Agensi Penguatkuasaan

Eksekutif RSOG, Dr. Hamidin Abdul Hamid.

Dalam majlis berkenaan, ucap-tama



Forum 'Imej Perkhidmatan Awam: Aspirasi Vs Realiti'. (Dari kiri) Dato' Seri Zainal Rahim Seman, Dr. Hamidin Abdul Hamid, Pn. Norzulaiqha Zulkifli dan Datin Raja Riza Shazmin Raja Badrul Shah



Bengkel 6 'Peranan Media Dalam Mencernakan Imej Perkhidmatan Awam'. (Dari kiri) Datuk Ahmad A. Talib, En. Azham Zainal Abidin dan En. Suhaimi Sulaiman



(Dari kiri) Dr. Paul Collins, Dr. Anis Yusaf Yusoff, Dr. Aizi Razman Ismail dan Dr. Hamidin Abdul Hamid

khass bertajuk 'Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Berprestasi Dan Berintegriti Tinggi' telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah INTEGRITI, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, sementara perasmian majlis penutup disempurnakan oleh Ketua Audit Negara yang juga Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI, Tan Sri Ambrin Buang.

Turut berlangsung dalam majlis berkenaan ialah pelancaran Modul Latihan Agensi Penguatkuasaan oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa disaksikan oleh Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Datuk Yaakop Md Sam. Modul ini bakal dimanfaatkan oleh 21 agensi penguatkuasaan di negara ini. Menariknya, modul yang dibangunkan dalam bentuk modular ini boleh diaplikasikan sama ada hanya dengan satu modul, gabungan beberapa modul pilihan ataupun diambil secara keseluruhan.

Menurut Dr. Anis Yusaf, modul ini dibina agar dapat diguna pakai oleh semua agensi penguatkuasaan. Pendekatan latihan berkaitan integriti yang lebih tersusun dan efektif dapat membantu meningkatkan lagi



Bengkal 2 'Menerap Dan Melestarikan Nilai-Nilai Murni Perkhidmatan Awam'. (Dari kiri) Dr. Haniza Yon dan Dato' Surendran C. K. Balan



Bengkal 5 'PBT: Refleksi Imej Perkhidmatan Awam'. (Dari kiri) Dato' Hj. Mohd Zain Hj. Hassan dan Tan Sri Ahmad Phesal Talib

kefahaman dan penghayatan pegawai-pegawai penguatkuasa di negara ini mengenai integriti dalam menjalankan tugas masing-masing.

7 RESOLUSI KIN 2016

1. Mengesyorkan agar pelaksanaan instrumen psikometrik diperluaskan sebagai tapisan bagi proses pelantikan pegawai baharu di sektor awam.
2. Menyarankan agar pemimpin politik memberi fokus kepada penggubalan dasar dan mengurangkan campur tangan dalam perkhidmatan awam.
3. Menyarankan agar pemberian ganjaran kepada agensi-agensi yang cemerlang dalam auditan bagi memupuk budaya berintegriti.
4. Mengesyorkan pelaksanaan proses validasi terhadap semua laporan pengisytiharan harta yang meragukan dalam kalangan penjawat awam.
5. Memupuk minat yang mendalam terhadap kerja dan pematuhan etika melalui latihan berterusan bagi meningkatkan kompetensi perkhidmatan awam.
6. Mempertingkatkan jalinan kerjasama dan kolaborasi strategik dengan pihak media bagi menjalin persefahaman yang lebih kukuh untuk memperkasakan imej perkhidmatan awam.
7. Menyarankan supaya latihan pra-perkhidmatan untuk jawatan-jawatan berisiko tinggi dilaksanakan bagi membolehkan pemantauan dan penilaian lebih rapi dibuat sebelum dilantik dalam perkhidmatan.

Senarai bengkel-bengkel serentak yang lain:

Bengkal 1 'Menangani Persepsi Negatif Masyarakat Terhadap Perkhidmatan Awam'
(Pembentang: Dato' Suriani Ahmad dan Datuk Paul Selvaraj)

Bengkal 3 'Memerangi Rasuah Secara Inklusif Dan Bersepadu'
(Pembentang: Dato' Shamsun Baharin Mohd Jamil dan Pn. Rita Benoy Bushon)

Bengkal 4 'Mempertingkatkan Imej Perkhidmatan Awam Melalui Kempimpinan Dan Tadbir Urus Terbaik'
(Pembentang) En. Nik Mohamed Yusoff Affendi Jaafar dan Pn. Nora Abdul Manap

'PLASTIK HITAM' SARAT DENGAN MESEJ INTEGRITI

Oleh Norsheeda Din

Buat julung-julung kali, *Integrity Art Night* (IAN) baru-baru ini tampil dengan kelainan menerusi persembahan teater berjudul 'Plastik Hitam'. Tayangan istimewa ini hasil kolaborasi Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Universiti Malaya bersempena dengan sambutan bulan integriti.

Teater yang berlangsung pada 8 November di Auditorium Integriti merupakan alternatif INTEGRITI bersama dengan penggiat-penggiat seni untuk bergandingan menyampaikan mesej integriti secara tidak langsung kepada masyarakat dalam bentuk yang santai dan mudah difahami. Ia dilihat berupaya menarik minat masyarakat untuk memahami dan mendalami maksud integriti serta perilaku manusia dalam kehidupan.

Acara tersebut kemudian disusuli dengan diskusi ringkas bersama dengan pengarah teater, En. Shahrul Fithri Musa dan dua pelakon Plastik Hitam iaitu Dr. Marlenny Deenerwan dan En. Fasyalli Fadzly. Antara yang disentuh ialah berkaitan dengan elemen serta mesej integriti yang tersirat di sebalik teater tersebut. Ini meliputi nilai integriti yang terkandung dalam pelbagai agama.

Turut menjadi sebahagian daripada acara penting pada malam itu ialah Bicara Eksklusif yang merupakan sesi perkongsian dengan mantan Pengerusi Media Prima, Tan Sri Johan Jaafar. Beliau yang juga penulis, budayawan dan penggiat seni tidak lokek berkongsi idea dan pandangan tentang peranan teater sebagai salah satu saluran media yang membantu memperkukuhkan integriti masyarakat.

Plastik Hitam mengisahkan tentang akauntabiliti seorang gadis remaja apabila diberikan amanah yang berbeza oleh empat individu;



Salah satu babak Plastik Hitam

wanita berpurdah, pemuzik jalanan, pemuda gagah dan graduan muflis. Meskipun ringkas, penceritaan yang menarik dan tersusun oleh pengarah berjaya mencuri tumpuan penonton, sekali gus membawa mereka menghayati dan berfikir tentang kandungan sebenar plastik hitam dan mesej terselindung di sebalik setiap babak yang dipaparkan.

Pementasan teater ini bukan sekadar hiburan semata-mata. Sebaliknya ia membawa penonton menghayati nilai-nilai integriti dalam kehidupan, apatah lagi babak tragik yang mengakhiri pementasan membawa konklusi bahawa keutuhan integriti seseorang tidak bergantung pada pendidikan dan imej yang baik semata-mata.



Tan Sri Johan Jaafar



Diskusi bersama 'tulang belakang' Plastik Hitam. (Dari kiri) En. Shahrul Fithri Musa, Dr. Marlenny Deenerwan dan En. Fasyalli Fadzly



Sebahagian daripada penonton teater



(Dari kiri) En. Muhammad Muammar Gadaffi Omar, Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, Datuk Seri Zakaria Jaffar dan Ustaz Mohd Zaidi Ramli

‘JAMINAN KUALITI’ PENDEKATAN UNTUK PENDIDIKAN TINGGI YANG TERBAIK

Oleh Hj. Hamilye Sham Harun dan Noor Akmar Ahmad

Kualiti dan program pendidikan di institusi pengajian tinggi (IPT) berkait rapat dengan nilai-nilai integriti. Justeru, bersempena dengan sambutan hari integriti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), agensi berkenaan bersama dengan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan *Breakfast Talk* pada 29 November lalu bagi membincangkan tentang ‘Jaminan Kualiti dan Program Pendidikan di IPT: Isu dan Cabaran Perspektif Integriti’.

Program yang berlangsung di Dewan Utama MQA ini mengetengahkan Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik MQA, En. Muhammad Muammar Gadaffi Omar sebagai pembicara utama. Manakala Presiden Yayasan Anti-Rasuah Malaysia (YARM), Datuk Seri Zakaria Jaffar serta Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ustaz Mohd Zaidi Ramli sebagai pembincang pertama dan kedua.

Menurut En. Muhammad Muammar Gadaffi, sebelum tahun 1990, Kementerian Pendidikan hanya mengenakan kawalan yang minimum terhadap semua IPT dengan

sistem jaminan luaran (*external quality assurance*) dipertanggungjawabkan kepada institusi pendidikan itu sendiri. Bagaimanapun, setelah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) diwujudkan, kerajaan telah menubuhkan MQA yang sebelum ini dikenali Lembaga Akreditasi Negara (LAN) bertujuan menyeragamkan proses pemantauan kualiti pengajian di semua IPT.

“Sejak tahun 2007, MQA telah menggunakan pendekatan ‘jaminan kualiti’ sebagai tunjang utama jaminan kualiti IPT. Namun, pada masa yang sama, MQA juga memerlukan kerjasama daripada orang ramai dengan membuat laporan atau aduan sekiranya wujud sebarang anasir tidak sihat di IPT,” ujar beliau lanjut.

Datuk Seri Zakaria ketika mengulas tentang cabaran integriti di IPT, berkata, rasuah boleh berlaku apabila wujud ruang dan peluang.

“Ruang untuk melakukan rasuah misalnya ialah apabila seseorang itu diberi kuasa dan peluang ataupun semua proses yang terlibat

daripada peringkat bawah dan atasan. Keadaan inilah yang mempengaruhi persepsi masyarakat, dikenali sebagai ‘*gratification not corruption*’. Ketirisan akan terus berlaku selagi ada individu tidak amanah apabila diberi tanggungjawab,” jelasnya.

Sementara itu, Ustaz Mohd Zaidi menekankan bahawa apa yang penting dalam diri manusia adalah hati. Selain itu, manusia juga terdiri daripada dua komponen iaitu zahir dan batin. Tegas beliau, integriti adalah asas untuk berjaya walaupun wujud undang-undang. Individu yang tidak berintegriti memperlihatkan yang bahawa dia tidak memelihara hati dalam menentang kemungkaran.

En. Muhammad Muammar Gadaffi mengakui wujud pelbagai cabaran dalam melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia, sekali gus memastikan jaminan kualiti dan program pendidikan di IPT. Justeru, menerusi pendekatan jaminan kualiti yang diambil, MQA boleh bekerjasama dengan pihak-pihak IPT agar rakyat Malaysia dapat menerima pendidikan tinggi yang terbaik.

DIALOG KHAS KUPAS CABARAN PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN BERITEGRITI

Oleh Harisham Ibrahim

Pihak berkuasa tempatan (PBT) bukan sekadar penting dalam struktur pentadbiran negara. Malahan, ia merupakan agensi 'barisan hadapan' negara yang berhubung rapat dan terus dengan masyarakat tempatan membabitkan pelbagai urusan. Namun, dalam melaksanakan peranannya, PBT terdedah dengan pelbagai cabaran termasuklah persepsi negatif masyarakat.

Selari dengan itu, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan satu Dialog Khas Integriti Agensi Penguatkuasaan bagi membincangkan 'Isu Dan Cabaran Penguatkuasa PBT Ketika Melaksanakan Tugas Dengan Integriti' pada 30 November lalu. Ia dihadiri oleh 29 pegawai penguat kuasa PBT seluruh negara dan wakil daripada agensi-agensi berkepentingan yang lain.

Mengulas tentang had dan bidang kuasa PBT ketika melaksanakan tugas, Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pn. Sheela a/p Samivellu berkata, tugas-tugas penguat kuasa berkait rapat dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antaranya seperti mengeluarkan lesen kepada penjaja, peniaga, pusat hiburan serta pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan. Selain itu, ada juga PBT yang bertanggungjawab memberikan kompaun terhadap kesalahan lalu lintas.

Bagaimanapun, akui beliau, penguat kuasa PBT acap kali berhadapan dengan pelbagai isu dan kekangan. Misalnya, penguat kuasa mempunyai kuasa yang

terhad, bertugas di satu-satu tempat yang sama dalam tempoh yang lama dan kurang diberikan latihan. Di samping itu, kekurangan bilangan anggota penguat kuasa sedia ada, undang-undang kecil yang tidak seragam antara PBT, jumlah penalti yang rendah iaitu tidak melebihi RM2,000 dan keselamatan petugas turut dikenal pasti menjadi cabaran kepada penguat kuasa dan pihak PBT.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Dato' Azwanddin Hamzah memberitahu, terdapat banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti JMM yang sering bersedia membantu dan menyokong usaha PBT dalam menguatkuasakan undang-undang, khususnya berkaitan dengan aktiviti perjudian. Namun, dalam pada itu, nilai-nilai integriti seperti jujur dan amanah perlu didalami dan dibudayakan oleh semua anggota penguat kuasa. Ini kerana pada masa ini wujud persepsi yang kurang baik terhadap tahap integriti golongan ini dan PBT, lebih-lebih lagi membabitkan rasuah.

Menyentuh perihal strategi memperkasakan penguatkuasaan PBT, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Hj. Mustafa Mohd Nor berkata pihaknya banyak melakukan risikan bagi membolehkan perancangan rapi dibuat sebelum memulakan sebarang operasi. Tetapi, peralatan dan latihan yang tidak cukup kepada penguat kuasa serta campur tangan politik boleh menjejaskan pelaksanaan penguatkuasaan yang efisien.

Dialog yang berlangsung selama separuh hari ini diharapkan berupaya membuka mata banyak pihak tentang cabaran, kekangan dan keluhan anggota-anggota penguat kuasa PBT dalam menguatkuasakan undang-undang. Bagaimanapun, kerjasama bersepadu daripada lain-lain agensi penguatkuasaan di negara ini juga amat perlu bagi memastikan setiap tindakan dan operasi yang diatur mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan.



Pn. Sheela a/p Samivellu



Dato' Azwanddin Hamzah



Hj. Mustafa Mohd Nor

PERSIDANGAN INTEGRITI PENDIDIKAN TINGGI, INTEGRITI DEKATI KOMUNITI IPT



Oleh Loganathan Veerasamy

Sempena bulan integriti, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bersama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Persidangan Integriti Pendidikan Tinggi pada 24 November lalu di Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM Nilai, Negeri Sembilan.

Persidangan selama sehari ini yang bertemakan 'Memperkasakan Pendidikan Tinggi Negara' telah dihadiri lebih 150 peserta dari kalangan pensyarah dan pegawai kanan institut pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, KPTM, Datuk Nik Ali Mat Yunus, Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff.

Dalam ucapan perasmianya, Datuk Nik Ali memuji usaha murni INTEGRITI menganjurkan persidangan ini bersama dengan KPTM dan UiTM. Katanya, usaha seperti ini mampu memantapkan budaya bekerjasama di samping mencipta satu dimensi baru ke arah memperkukuhkan integriti, khususnya dalam kalangan IPT.

"Integriti berkait rapat dengan pegangan ajaran agama dan akauntabiliti. Oleh itu, semua pihak perlu mengikis nilai-nilai negatif seperti bersikap sambil lewa, lepas tangan, salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi dan mengambil rasuah. Ini kerana semua perbuatan ini boleh menyebabkan kepincangan pada pentadbiran dan menjatuhkan imej institusi," ujar beliau lanjut.

Dalam pada itu, Dr. Anis menyeru semua peserta supaya



(Dari kiri) Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid, Cik Norina Jamaludin dan Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said

berkongsi isu, idea dan pengalaman dalam menerapkan integriti di IPT masing-masing di samping kejayaan yang telah dicapai sepanjang bengkel berlangsung. Beliau berharap, perkongsian ilmu seperti ini dapat memantapkan lagi ciri-ciri profesionalisme dalam kalangan pendidik dan pegawai IPT untuk menghasilkan graduan yang berintegriti tinggi.

Turut diadakan dalam persidangan berkenaan ialah forum bertajuk 'Integriti Dalam Pendidikan Tinggi Malaysia'. Tiga panel jemputan ialah Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said; Pengarah Bahagian Governan, Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Cik Norina Jamaludin dan Ahli Lembaga INTEGRITI, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid.

Ini diikuti dengan beberapa bengkel selari yang diadakan bagi membincangkan pelbagai isu selain berkongsi idea dan pengalaman berkaitan penerapan integriti serta kejayaan yang dicapai di peringkat IPT. Perbincangan ini meliputi lima bidang iaitu tadbir urus dan pembangunan sumber manusia, pengurusan kewangan dan penjana kekayaan, pengurusan akademik dan pengurusan hal ehwal pelajar serta pembangunan komuniti dan kesukarelawan. Hasil daripada sesi ini bakal dibukukan agar menjadi bahan rujukan di semua IPT di negara ini.

PELANCARAN STUDIO INTEGRITI.TV

Oleh Zubayry Abady Sofian

INTEGRITI.TV merupakan inisiatif terkini yang bersifat proaktif dari Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang akan bertindak sebagai pembekal kandungan (*content provider*) kepada mana-mana pihak yang berminat sama ada agensi berita, agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan malahan masyarakat awam dalam usaha menyebarkan mesej integriti.

Inisiatif ini diambil setelah beberapa pemerhatian dan carian di Internet menunjukkan terdapat kekosongan atau kekurangan bahan-bahan audio visual yang mempromosikan integriti. Untuk itu, seramai lapan orang warga kerja INTEGRITI yang mempunyai minat dan kepakaran dalam bidang videografi, fotografi, kewartawanan dan penerbitan multimedia telah dikenal pasti untuk menjadi tenaga penggerak INTEGRITI.TV.

Antara bahan dan kandungan yang diterbitkan ialah seperti rancangan Bicarawara (*Talkshow*), Pesanan

Khidmat Masyarakat (*Public Service Announcement*), rakaman program integriti, dan sebagainya. Bahan-bahan terbitan ini akan disiarkan di laman web rasmi INTEGRITI, pelbagai saluran media sosial rasmi INTEGRITI seperti di *Youtube*, *Facebook*, *Twitter* dan *instagram* serta di saluran televisyen PURI INTEGRITI.

Penubuhan INTEGRITI.TV ini juga diharap akan membuka pelbagai bentuk dan ruang kerjasama dengan agensi-agensi berita serta pihak-pihak berkepentingan dalam penerbitan (audio visual) yang menjurus kepada mempromosikan agenda integriti.

Studio ini telah dirasmikan oleh Tan Sri (Dr.) Samsudin Osman, Pengerusi Pengasas Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang juga merupakan Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 9 November 2016 yang lalu. Turut serta dalam majlis ini ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff serta pegawai dan kakitangan INTEGRITI.

Tan Sri (Dr.) Samsudin Osman merasmikan Studio INTEGRITI.TV



'BUKAN MUDAH YAKINKAN AHLI SUPAYA BERSETUJU DENGAN 32 CADANGAN INI'

Disiarkan dalam Metro Ahad, 20 November 2016

Isu berkaitan pembiayaan politik atau dana politik diterima dari negara asing sudah banyak kali dibangkitkan, tetapi ia seolah-olah bermusim. Bagaimanapun, selepas dakwaan ada pertubuhan dan parti politik di Malaysia menerima dana asing bagi membiayai aktiviti mereka hingga boleh menggugat keselamatan negara menyebabkan timbul gesaan supaya diwujudkan satu akta yang jelas berkaitan perkara ini.

Wartawan Nasharuddin Muhammad dan Yusmizal Dollah Aling menemu bual Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) Dr. Anis Yusal Yusoff bagi mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan isu ini.

Kenapa baru sekarang isu pembiayaan politik ini ditimbulkan semula?

Ia sebenarnya bukan isu baru, malah kerja mempromosikan integriti politik sebagai satu sektor masyarakat dalam Pelan Integriti Nasional sudah dilancarkan sejak 2004 oleh (Perdana Menteri ketika itu) Datuk Seri (Tun) Abdullah Ahmad Badawi yang memberi fokus kepada orang politik, masyarakat, keluarga, komuniti, pentadbiran, khidmat awam mahupun swasta.

Jadi, kerja ini sudah lama dibuat. Malah, sejak saya kembali ke institut ini Jun lalu, sudah ada pelbagai perbincangan mengenai integriti politik yang khusus kepada pembiayaan politik kerana kita merasakan ini satu aspek yang belum ada satu polisi atau dasar yang jelas.

Di Malaysia ini, ada banyak undang-undang, tetapi tidak ada satu pun yang jelas dalam konteks pembiayaan politik. Jadi, dalam perbincangan dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low yang bertanggungjawab dalam soal integriti, kita memberi cadangan perlunya diwujudkan ini.

Beliau kemudian memanjangkan kepada Perdana Menteri dan dipersetujui.

Kami kemudian menyiapkan draf rujukan untuk ditubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji pembiayaan politik. Kita nak kaji dan membuat perbandingan dengan negara lain untuk melihat apa yang kita sudah ada.

Adakah ia disebabkan keadaan sekarang yang dilihat

seperti sudah tidak terkawal?

Memang banyak persepsi yang ada di luar sana dan perkara ini ramai orang tidak tahu, tambahan pula ia ada pelbagai lapisan.

Memang kita tahu ada parti politik yang ada laporan tahunan, tapi sekarang kita tengok setiap perhubungan negeri semua parti di Malaysia ini sampai ke dasar umbi ada akaun bank.

(Persoalannya) siapa yang memantau. Kalau diikutkan Pendaftar Pertubuhan (ROS) perlu pantau, tapi bila kita bincang dengan rakan-rakan di ROS, mereka tidak ada kapasiti untuk pantau semua ini, beribu. Jadi, mereka tidak boleh.

Adakah inisiatif ini wujud selepas isu 'derma' dan 'dedak' ini timbul dan menjadi perhatian rakyat?

Saya sendiri ada tulis buku yang kita bincangkan perkara ini sejak 2007 lagi. Ini bukan sesuatu yang baru, cuma ia berterusan dan memakan masa. Ada ketikanya pada waktu yang betul, ia akan datang, tapi bukanlah sebab apa yang orang cakap sekarang.

Kita kena fahami dan lihat komposisi jawatankuasa ini bukan orang sembarangan dan bukan juga terdiri daripada mereka yang hanya suka mengiyakan. Bukan juga mudah untuk meyakinkan ahli supaya bersetuju dengan 32 cadangan ini. Jadi tidak benar kalau orang kata ini hanya dibuat apabila terdesak.

Ada pihak mengatakan akta ini hanya memberikan kelebihan kepada parti pemerintah kerana dapat mengetahui kekuatan sumber lawan?

Kerajaan pusat adalah Barisan Nasional, di Pulau Pinang adalah kerajaan pakatan diketuai DAP. Di Kelantan dan Selangor juga (diketuai) parti berbeza. Saya selalu nampak parti pembangkang juga akan jadi kerajaan, jadi mereka juga akan menggunakan akta ini.

Bukan soal ambil kesempatan atau sebaliknya. Jadi, cakap-cakap seperti ini kerana orang belum baca cadangan kita sebab di dalamnya ada kita draf supaya tidak ada diskriminasi. Maknanya kalau anda ada duit dan nak sokong parti A tetapi yang memerintah parti B, maka anda tak dapat projek.

Cara nak dapatkan projek pun kita cadangkan mesti dibuat secara telus, tak boleh bagi kepada kawan-kawan dan sebagainya. Ini proses yang saya rasa (berkaitan) pendidikan dan literasi politik sebab tak semua rakyat kita faham. Jadi ia penting untuk rakyat tahu bahawa wakil rakyat adalah orang yang kita hantar untuk mewakili kita dan menentukan apa juga undang-undang atau akta baru yang tidak membebankan rakyat.

Sudah tentu, berdasarkan pengalaman kami di institusi ini, kerajaan kalau dilihat daripada program transformasi PEMANDU pun ada mengusulkan, malah Jawatankuasa Pemilih Parlimen juga ada membuat cadangan dalam konteks pembiayaan ketika pilihan raya.

Jadi, ia berterusan dan saya rasa kita kena lihat walaupun selalu orang kata yang kita hanya lihat benda ini tanpa betulkan benda lain. Pada saya, kalau kita nak tunggu hingga semua benda itu betul, takkan terjadi apa-apa.

Kita bermula dengan apa yang boleh kita lakukan dan kami rasa membuat satu akta atau undang-undang baru yang memberi fokus kepada pembiayaan dana ini penting untuk kita wujudkan satu pejabat, lantik seorang penyelia yang memantau keluar masuk (dana) dan bagaimana ia (dana) diurus tadbir supaya tidak ada sebarang tuduhan.

Ini sebenarnya untuk kebaikan parti politik juga kerana apabila mereka diadili dengan telus, mereka tidak akan dituduh berkompromi dengan sesiapa. Misalnya, kalau mereka jadi kerajaan, mereka akan dapat projek, semua ini boleh dilaporkan secara terbuka.

Keseluruhan. Kalau hanya untuk pilihan raya, Akta SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) sudah ada, tetapi kita nak tengok secara keseluruhan sebab politik bukan hanya sewaktu pilihan raya.

Mereka berkempen bukan hanya pada waktu pilihan raya, ia program keseluruhan. Kalau nak menang, dia nak buka pejabat di kawasan parlimen, bagaimana dia nak belanja dan sebagainya. Bayangkan apabila dia jadi wakil rakyat, pegang jawatan, jadi EXCO atau apa yang membolehkan dia berurusan dengan pelbagai perkara.

Kerisauan kita kalau ada orang mula mengenal pasti seseorang calon sejak awal dan mula membiayainya secara orang tidak tahu, sebolehnya kalau kita boleh tafsir secara

terbuka, sebab ada orang percaya ada orang hebat dan nampak ada potensi, ada orang nak bantu bagi duit.

Jadi bila menang, dapat kedudukan, rakyat boleh memantau adakah sebab dia bagi sesuatu. Kalau masuk bertanding sama seperti semua orang walaupun ada derma dan lawan seperti orang lain (yang) tak ada derma, tak ada masalah. Proses itu kalau dibuat secara terbuka dan telus, berilah sebanyak mana pun. Sebab itu, kita cadangkan tak perlu ada had, nak belanja pun belanjalah selagi dia boleh isytihar, tidak ada masalah.

Yang orang perhatikan ialah apakah daripada dana yang dia dapat masuk akaun persendirian. Sebelum masuk politik, kekayaan dia sebanyak mana dan selepas masuk politik bagaimana. Persepsi orang sekarang (ialah) masuk politik sebab nak kaya diri sendiri. Betul atau tidak, ia bukan isu, yang penting cadangan ini akan dapat jalannya.

Secara lengkapnya saya tidak ada, tapi perkara ini perlu dibincangkan lebih lanjut. Yang saya gambarkan begini, perlu diwujudkan satu pejabat dengan kakitangan dan penyelia yang akan melaporkan kepada satu jawatankuasa penasihat terdiri daripada mereka yang tidak terbabit dengan politik.

Jawatankuasa ini perlu di bawah Parlimen. Itu kalau diteliti, kebebasan pejabat menyelia.

Cadangan ini mewakili pelbagai kumpulan masyarakat dan ini yang mereka mahukan. Sebagai contoh, ramai bekerja sebagai penjawat awam, ada peraturan perbatuan (perkilometeran) untuk dituntut.

Jadi jelas bagaimana kita membayar. Dalam politik, walaupun kita ada peraturan tapi jarang di bahagian, cawangan atau ranting. Apabila ahli pergi mesyuarat, perlu isi borang dan urusannya bagaimana, tetapi selalunya siapa yang ada banyak, orang itu yang akan memberi.

Kita belum lagi mewujudkan akta, ini baru cadangan mengenai keperluan kepada akta itu daripada kajian dan perbincangan yang dibuat Jawatankuasa Konsultatif Mengenai Pembiayaan Politik.

Sebab itu cadangan dibuat daripada jawatankuasa terus kepada masyarakat, belum pun pengerusi bentang dalam Kabinet untuk dimaklumkan kepada orang ramai.

Jawatankuasa ini dan ahli-ahlinya datang berbincang, ini

cadangan kami sebab kalau sudah dibentangkan dulu kepada Kabinet, nanti apa yang keluar orang kata ini sudah diperhalusi dan sebagainya.

Jadi, kita kata ini untuk kebaikan, bagaimana kerajaan yang berkuasa kemudian mentafsirkan cadangan ini, sudah tentu ia mengambil pandangan daripada semua pihak, tambahan pula kalau pergi ke parlimen.

Secara amnya, 32 cadangan kami ini walaupun ada yang segera, jangka pendek, jangka panjang, semua itu boleh dilakukan.

Di peringkat awal yang kami dapat lihat walaupun dalam konteks kerajaan yang memerintah Barisan Nasional, rata-rata menyokong walaupun mereka belum melihatnya secara menyeluruh, malah ada yang meminta lebih daripada apa yang kita cadangkan.

JANGAN KHIANATI NILAI INTEGRITI

Oleh Hj. Hamilye Sham Harun
Disiarkan dalam Utusan Online, 12 November 2016

Hampir sedekad Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) ditubuhkan sebagai peneraju pemantauan dan koordinasi pelbagai tindakan pembudayaan serta pemeraksanaan integriti seperti termaktub dalam buku Pelan Tindakan Integriti (PIN). Tarikh 5 November setiap tahun, diraikan sebagai Hari Integriti Nasional.

Pelbagai pengisian program diatur oleh INTEGRITI mahupun pemegang taruh (*stakeholders*) dalam merealisasikan cabaran keempat Wawasan 2020 yang juga menjadi objektif umum PIN iaitu membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri moral dan etika, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian utuh, ditunjang budi pekerti luhur.

Antaranya program khas Bicara Integriti pada 5 November lalu dan Konvensyen Integriti Nasional (KIN) yang berlangsung di INTEGRITI, hari ini.

Baru-baru ini, INTEGRITI juga mengurniakan dua Anugerah Khas Integriti 2015 kepada bekas Timbalan Pendakwa Raya, mendiang Anthony Kevin Morais dan bekas Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Allahyarham Datuk Shahrudin Ibrahim. Pemilihan mereka dibuat berasaskan integriti tinggi yang ditunjukkan kedua-duanya ketika menjalankan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan.

Sektor awam dan swasta memang memainkan peranan penting dalam pembangunan lestari negara. Warga kedua-dua sektor ini menjadi aset dan tulang belakang atau tonggak kualiti perkhidmatan awam dan pembangunan sektor ekonomi. Upah dibayar bagi menjustifikasikan usaha dan tindakan mereka dalam kedua-dua sektor ini.

Pada masa sama, badan bukan kerajaan (NGO) menjadi pelengkap kepada agenda negara untuk merakyatkan atau membudayakan integriti. Penglibatan rakyat dalam NGO sama ada daripada aspek sumbangan tenaga, idea mahupun pengorbanan masa dan wang ringgit selalunya dilakukan secara sukarela, tidak dibayar. Namun amanah yang dipertanggungjawabkan tetap berusaha digalas demi menjayakan objektif, visi dan misi pertubuhan dan persatuan masing-masing.

Akauntabiliti dalam tadbir urus persatuan sangat penting bagi mengelak timbulnya persepsi negatif sehingga menjejaskan kepercayaan terhadap individu yang diberi amanah atau lebih buruk mencemar nama organisasi terbabit.

Contoh amalan yang paling hampir dengan kehidupan kita adalah persatuan penduduk sama ada dalam komuniti kampung atau taman perumahan. Setiap jawatankuasa

yang dibentuk maka harus berfungsi dan bertanggungjawab dengan penuh integriti. Suka atau tidak, rela atau paksa rela namun amanah tetap jadi amanah dan jawatankuasa harus membuktikan kredibiliti mereka dalam tadbir urus berpersatuan. Reputasi dan imej organisasi perlu dipelihara.

Penulis ingin mencadangkan beberapa mekanisme yang perlu dititikberatkan dengan serius bagi memastikan perjalanan persatuan tiada unsur pelanggaran integriti mahupun aspek akta, undang-undang dan peraturan yang tercatat dalam perlembagaan persatuan.

1. Barisan jawatankuasa yang telah dipilih harus menjalankan tapisan atau saringan maklumat diri bebas jenayah daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) mahupun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
2. Segala akta, undang-undang dan peraturan yang tercatat dalam perlembagaan persatuan wajib dipatuhi oleh semua jawatankuasa atau ahli dalam persatuan tanpa kompromi.
3. Pengerusi, setiausaha dan bendahari wajib menjalani kursus tadbir urus baik dan pengurusan integriti kewangan.
4. Setiap keputusan pembelian, pembayaran dan penerimaan sumbangan haruslah dimesyuaratkan sebagai punca kuasa kelulusan dan kebenaran mutlak daripada jawatankuasa dan menerusi mesyuarat agung.
5. (Tiada unsur salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah dalam tadbir urus kewangan dan persatuan.
6. Setiap jawatan yang diamanahkan harus mengelak '*conflict of interest*' iaitu mendahului kepentingan peribadi daripada kepentingan persatuan dan komuniti yang ada hubungan dengan pengurusan persatuan amnya.
7. Akaun peribadi tidak boleh sama sekali digunakan dalam urusan akaun persatuan atau dicampuradukkan.
8. Walau apa pun jawatankuasa yang dilantik atau terpilih maka harus melaksanakan tugas-tugas dalam persatuan dengan sebaik mungkin. Sekiranya masih tidak mampu

beri perkhidmatan maka harus menawarkan diri untuk meletak jawatan bagi mengelak dipersalahkan kemudian hari dan memberi laluan orang lain yang lebih berupaya menyumbang kepada kebajikan persatuan.

Firman Allah SWT: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menetapkan hukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat." (Surah An-Nisa' ayat 58)

Malah menurut terjemahan daripada Kitab Tafsir Al-Marahgiy, ayat di atas memberikan penekanan dua elemen penting iaitu al-amanah dan al-adl. Sekiranya diambil penjagaan harta seseorang sebagai analogi, maka al-amanah itu adalah sesuatu yang dijaga untuk disampaikan kepada si pemiliknya, manakala al-adl itu adalah menyampaikan yang hak kepada pemiliknya melalui jalan yang terdekat.

Namun dalam memperkatakan sifat amanah akan mencakupi beberapa aspek utama antaranya:

- Amanah seseorang hamba kepada Tuhannya seperti mengerjakan apa yang diperintahkan (amar makruf) dan meninggalkan apa yang dilarang (nahi mungkar) dalam bentuk kemaksiatan mahupun kemungkaran;
- Amanah hamba Allah sesama manusia samalah seperti melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan untuk dipelihara dan jangan pula dikhianati.
- Amanah hamba Allah kepada tubuh badannya termasuklah tidak melakukan perkara yang menzalimi diri sendiri seperti salah guna kuasa, penyelewengan, rasuah, perjudi, meminum arak dan memakan riba.

Kata pujangga; "Hitunglah sejauh mana diri dalam ketaatan, akui sejujur-jujurnya kelemahan, keburukan dan kederhakaan diri. Walaupun mungkin pahit, cuba terima seadanya kerana itulah modal untuk kita memperbaiki diri."

* Penulis ialah Ketua Penyelaras Pusat Koordinasi dan Pemantauan INTEGRITI

CONFUCIANISM AND DEMOCRATIZATION IN EAST ASIA


Publisher: Cambridge University Press

Published: 2012

Writer: Doh Chull Shin

For decades, scholars and politicians have vigorously debated whether Confucianism is compatible with democracy, yet little is known about how it affects the process of democratization in East Asia. In this book, Doh Chull Shin examines the prevalence of core Confucian legacies and their impacts on civic and political orientations in six Confucian countries: China, Japan, South Korea, Singapore, Taiwan, and Vietnam.

Analyses of the Asian Barometer and World Values surveys reveal that popular attachment to Confucian legacies has mixed results on democratic demand. While Confucian political legacies encourage demand for a non-liberal democratic government that prioritizes the economic welfare of the community over the freedom of individual citizens, its social legacies promote interpersonal trust and tolerance, which are critical components of democratic civic life. Thus, the author argues that citizens of historically Confucian Asia have an opportunity to combine the best of Confucian ideals and democratic principles in a novel, particularly East Asian brand of democracy.



GALLERY / GALERI



SIARAN LANGSUNG

Pada 21 November lalu, Pengarah Kanan INTEGRITI En. Mohammad Diah Hj. Wahari dijemput menghadiri sesi temu bual secara langsung bersama Bernama Radio di Wisma BERNAMA bagi mengulas berkaitan Konvensyen Integriti Nasional (KIN) 2016 yang telah diadakan pada 17 dan 18 November di Menara INTEGRITI.



MAJLIS

Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa Universiti Sains Malaysia (SRIMUSM) telah menganjurkan Majlis Malam Integriti bersama INTEGRITI di Dewan Utama Desasiswa, Kompleks RST, USM pada 22 November 2016.

*Ralat: **INTEGRITI** memohon maaf atas kesilapan keterangan gambar pada halaman 6 **INTEGRITI: Current Awareness Service** keluaran September. Gambar paling bawah ialah Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof.



www.integrity.my

